

07/02/2003

ADK peruntuk RM10 juta anjur program antidadah

Khairina Yasin

AGENSI Dadah Kebangsaan (ADK) memperuntukkan hampir RM10 juta bagi melaksanakan pelbagai program pencegahan penyalahgunaan dadah, kebanyakannya disasarkan kepada golongan remaja dan pelajar sekolah, sepanjang tahun ini.

Pengarah Pencegahannya, Abu Hassan Dahaman, berkata tumpuan diberikan kepada golongan itu kerana mereka adalah kumpulan berisiko tinggi terdedah kepada gejala negatif itu.

Beliau berkata, ia juga sebagai persediaan awal memenuhi sasaran negara dalam usaha melahirkan generasi tanpa dadah menjelang 2023, selain matlamat sekolah bebas dadah yang disasarkan lebih awal, iaitu 2012.

Malah, katanya, usaha itu selaras Kempen Memerangi Dadah Habis-habisan sepanjang tahun ini dan ADK meletakkan pelajar sekolah sebagai sasaran utamanya bagi menangani masalah najis itu.

Kempen dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mei depan, adalah usaha terbaru kerajaan memerangi dadah sehingga ke akar umbi.

Mengenai perangkaan terbaru penagih dadah, Abu Hassan berkata, dalam tempoh Januari hingga 15 Disember tahun lalu, ADK mengenal pasti 29,366 penagih dadah di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, 1.8 peratus atau 423 adalah pelajar dan 6.94 peratus atau 1,961 remaja berumur bawah 19 tahun.

"Sebahagian besar peruntukan akan dibelanjakan untuk manfaat remaja dan pelajar sekolah melalui kegiatan pencegahan berbentuk awalan dan umum," katanya ketika ditemui Berita Harian, semalam.

Bagi mencapai matlamat itu, ADK mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan melalui jabatan pendidikan negeri, polis dan tentera, selain persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras gejala penyalahgunaan dadah seperti dilakukan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam).

"Sebenarnya, apa saja kegiatan yang kita lakukan, akhirnya akan sampai kepada remaja dan pelajar itu sendiri," katanya.

Abu Hassan berkata, melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, pihaknya melaksanakan Program Pencegahan Dadah merangkumi pelbagai program berkaitan dadah.

Antaranya, Program Intelek Asuhan Rohani (Pintar) yang diperkenalkan sejak 1999, iaitu satu bentuk pengajaran pendidikan pencegahan dadah di sekolah rendah seluruh negara.